

ADENAN, BN TERUS DIBERI KEPERCAYAAN

09 April 2016

- Utusan Online



RADUAN CHE ROSE

PUTRAJAYA 8 April - Masyarakat Sarawak dijangka terus memberi kepercayaan kepada Barisan Nasional (BN) di bawah kepemimpinan Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem untuk mentadbir Sarawak dan menyelesaikan segala isu kebajikan serta pembangunan di negeri itu.

Perkara itu adalah hasil yang disimpulkan menerusi perbincangan meja bulat Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara (MPN) dan sekali gus menjangkakan BN akan terus mengukuhkan kedudukannya di negeri itu.

Ketua Pegawai Eksekutif MPN, Prof. Datuk Dr. Raduan Che Rose berkata, dengan jangkaan itu tidak boleh tidak pembangkang perlu menerima hakikat yang rakyat negeri itu masih mahu BN terus menjadi parti fixed deposit agar mereka boleh terus menuntut hak autonomi.

“Biasanya dalam politik apabila ada kepemimpinan baharu mengambil alih, rakyat cenderung memberi peluang kepada pemimpin baharu itu dan ia adalah trend. Malahan pemimpin baharu itu (Adenan) bukan orang baharu dalam arena politik, beliau amat arif dalam selok-belok politik Sarawak. “Namun tidak bermaksud BN boleh berbangga, tetapi untuk pembangkang meletakkan calon menyaingi Ketua Menteri itu adalah sukar.

Pembangkang tidak ada tokoh yang boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan tokoh BN yang ada kini,” katanya selepas sesi perbincangan meja bulat itu di sini hari ini. Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa MPN, Prof. Datuk Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak bagaimanapun tidak menolak kebolehan pembangkang dalam memancing undi masyarakat Sarawak terutama di bandar yang berupaya membuat undi BN tergelincir dan sebab itu BN tidak boleh leka, malah perlu berusaha keras. Dalam hal ini, katanya, fokus BN Sarawak perlu terarah kepada menyusun strategi menawan undi masyarakat Cina yang merupakan agenda

utama pembangkang menerusi tentera DAP mereka. “Tugas Adenan bukan sahaja perlu kukuhkan kawasan sedia ada tetapi memikirkan bagaimana untuk merampas semula yang telah dimiliki oleh pembangkang terutama 12 kawasan di bandar yang merupakan milik DAP dan Bebas. “Tanggungjawab yang lebih berat adalah menawan kesemua 11 kerusi baharu.

Dijangkakan tugas itu lebih baik dipertanggungjawabkan kepada Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) kerana pengundinya lebih kepada masyarakat Cina,” katanya. Sementara itu, Pensyarah Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Prof. Madya Dr. Jeniri Amir berpandangan, dalam usaha Adenan menambat hati pengundi Cina kembali ke pangkuan BN, strategi meletakkan calon ‘bidan terjun’ amat berbahaya kerana ia langkah selamat hanya untuk tempoh jangka pendek.

Beliau berkata, Adenan perlu memberi jaminan bahawa calon untuk menjaga kebajikan masyarakat Cina terdiri daripada kelompok pemimpin yang mampu meningkatkan semula peratusan sokongan pengundi bangsa itu yang telah menjunam 12 peratus pada pilihan raya umum lalu. “Pembangkang tidak mengenal erti kekalahan.

Tumpuan mereka adalah masyarakat bandar. Antara isu yang boleh menurunkan peratusan sokongan BN ialah isu cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan selebihnya berkaitan 1Malaysia Development Bhd. (1MDB).

“Tetapi berbeza dengan masyarakat di luar bandar yang terdiri daripada pelbagai kaum. Mungkin BN boleh berasa sedikit selesa kerana sejak dahulu mereka ini teguh memberi sokongan kepada BN,” katanya. Antara topik dalam perbincangan meja bulat itu adalah isu dan cabaran dalam kepemimpinan dan dasar Adenan di Sarawak dan isu calon, pengagihan kerusi dan pola pengundian menjelang pilihan raya negeri Sarawak.

Panel-panel perbincangan meja bulat itu terdiri daripada pensyarah Unimas, Prof. Madya Dr. Stanley Bye Kadam Kiai, Prof. Madya Dr. Neilson Ilan Mersat dan Dr. Lucy Sebli Seidelson serta pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr. Lee Kuok Tiung dan pensyarah Universiti Malaya (UM), Prof. Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi